

# Ramadan titik perubahan satukan ummah

Tarikh 15 Mei diingati sebagai Nakbah yang bermakna malapetaka bagi umat Islam seluruh dunia, khususnya penduduk Palestin. Tanah suci umat Islam ini dirampas Zionis Israel sejak 71 tahun lalu, iaitu pada 1948. Istilah Nakbah mungkin agak asing bagi sebahagian umat Islam di negara ini kecuali orang yang benar-benar prihatin dan cakna dengan isu umat Islam antarabangsa.

Nakbah secara khusus merujuk kepada penubuhan negara haram Israel yang diisytiharkan secara rasmi pada 15 Mei 1948. Ia retetan perancangan jahat Yahudi Zionis untuk melaksanakan pendudukan dan penjajahan terancang ke atas tanah serta penduduk asal Palestin berdaulat.

Ironinya, peringatan peristiwa Nakbah tahun ini jatuh dalam Ramadan yang umat Islam sibuk dengan urusan ibadat mereka, tetapi seolah-olah terlupe bahawa pembelaan Palestin juga sebahagian daripada tuntutan ibadat.

Allah SWT berfirman: "Wahai orang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas orang terdahulu daripada kamu, mudah-mudahan kamu bertakwa." (Al-Baqarah: 183).

Nilai ketakwaan yang ditawarkan Allah SWT adalah manifestasi kehambaan yang jitu kepada-Nya



**Dr Mohd Ashrof Zaki Yaakob**

Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM)



**Ramadan mampu menjadi titik tolak kepada perubahan menyeluruh umat Islam dalam membela nasib umat Islam tertindas khususnya Palestin"**

dalam melaksanakan ibadat puasa.

Persoalannya, apakah nilai ketagwaan yang terbit dalam diri mampu diterjemahkan seiring dengan kesungguhan dan keprihatinan memperjuangkan isu pembelaan Palestin daripada cengkaman Yahudi Zionis?

**Bela nasib umat Islam tertindas**

Ramadan mampu menjadi titik tolak kepada perubahan menyeluruh umat Islam dalam membela nasib umat Islam tertindas khususnya Palestin. Ganjaran nilai ketakwaan yang diburu pastinya lebih bermilai sekiranya diusahakan pembebasan kepada umat Islam di Palestin.

Ramadan mengajar kita merasai kesengsaraan dan penderitaan umat Islam lain. Sewajarnya atas semangat itu, umat Islam perlu menjadikannya sebagai titik permulaan kepada usaha ini.

Antara tindakan menyeluruh yang boleh dilaksanakan melalui kesatuan umat Islam adalah dengan memboikot semua produk berasaskan Yahudi Zionis dan sekuatnya. Ummah juga perlu memperjuangkan hak asasi manusia rakyat Palestin di media sosial dengan mendedahkan kekejaman dan penindasan Yahudi Zionis.

Umat Islam juga mesti meng-

gerakkan kempen holistik untuk menyedarkan masyarakat dunia serta keperluan pembelaan dan bantuan kemanusiaan yang semakin meruncing di Palestin, khususnya di Gaza.

Rasulullah SAW bersabda: Tidak sempurna iman seseorang dalam kalangan kamu sehingga dia mencintai saudaranya melebihi cintanya pada dirinya. (HR Bukhari dan Muslim).

Atas dasar kasih dan cinta kepada saudara kita di Palestin, umat Islam perlu menginsafi peristiwa yang berlaku, seterusnya memperkuat jati diri umat Islam dan bertindak menyokong serta mendukung segala usaha yang dilakukan bagi membela umat Islam di Palestin.

Apalah nilai yang ada pada kesempurnaan ibadat puasa, solat malam dan bacaan al-Quran, jika pada masa sama kita membiarkan saudara seagama dan seakidah kebuluran tanpa makanan, mengharungi kematian silih berganti serta bermandikan keringat dan darah dalam perjuangan menuntut janji Ilahi.

Bumi Palestin ialah tanah mulia umat Islam kerana terletaknya Masjid al-Aqsa yang juga kiblat pertama, tempat Israk dan Mikraj, tanah suci ketiga dan bumi ambia. Palestin bukan sekadar isu bangsa Palestin atau Arab, sebaliknya persoalan keteguhan iman dan

kesatuan hati umat Islam di seluruh dunia.

**Bersatu perjuang isu Palestin**

Umat Islam seharusnya bersatu hati memperjuangkan isu Palestin yang juga tunjang utama kepada keamanan dunia masa kini. Kesatuan umat Islam seluruh dunia akan mampu menggerakkan kesedaran bersama dan tuntutan kepada penyelesaian yang tuntas kepada kuasa besar dunia terhadap isu kemanusiaan ini.

Ramadan mampu menjadi titik perubahan dan kesatuan ummah dalam membangkitkan kembali kekuatan. Perselisihan dan perbedaan budaya, bangsa, bahasa dan geografi perlu diketepikan demi menyelesaikan isu itu.

Ketegasan negara Islam khususnya Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) amat dituntut agar isu ini mampu diselesaikan dengan bijaksana. Keberanian dan keikhlasan negara Islam membantu Palestin mampu menyelamatkan ribuan nyawa umat Islam, mengurangkan beban penderitaan mereka dan akhirnya membela kembali tanah suci umat Islam tercinta.

Semoga nilai ketakwaan hasil tarbiyah Ramadan mampu melonjak seiring dengan usaha penyatuan ummah dan perjuangan pembebasan tanah suci umat Islam di Palestin.